

# PM lancar komputer nasional guna perisian dwi-bahasa

Oleh MARHAINI KAMARUDIN

KUALA LUMPUR 24 Julai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini melancarkan komputer nasional menggunakan sistem operasi Linux, menawarkan perisian dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia yang pertama di rantau Asia.

Komputer yang diberi nama 'Komnas Twenty20' keluaran DRB-HICOM Information Technologies Sdn. Bhd., (DH Info Tech) itu merupakan komputer yang mampu dimiliki kerana dijual pada harga serendah RM1,899.

DH Info Tech, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Bhd., itu telah membangunkan rumusan pengkomputeran menyeluruh dikenali sebagai Twenty20 yang merupakan rumusan komputer berkos rendah, berkuasa dan berasaskan sistem terbuka.

Pengerusi Kumpulan DRB-HICOM Berhad, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong berkata, pakej lengkap komputer itu merangkumi perkakasan, perisian dan laluan Internet TMnet yang sedia disambung.

Katanya, DH Info Tech juga akan mengada-

kan kerjasama dengan institusi kewangan dan pinjaman bagi menawarkan skim pembelian khas dengan bayaran di bawah RM50 sebulan.

"Komputer yang dibangunkan oleh anak-anak tempatan ini menawarkan perisian dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia bagi memudahkan pengguna di negara ini.

"Kemudahan dwibahasa ini pastinya akan membantu cita-cita kerajaan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya.

## ● ICT Malaysia setanding pusat ICT dunia — Muka 2

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Komnas oleh Perdana Menteri di Mid Valley, di sini.

Penggunaan sistem operasi Linux yang merupakan standard perisian sumber terbuka akan membebaskan pengguna komputer di negara ini daripada kongkongan perisian sistem operasi syarikat terkenal yang agak mahal.

Linux merupakan perisian tanpa lesen yang semakin mendapat sokongan industri komputer

seluruh dunia seperti IBM, Intel, Oracle dan Sun Microsystems.

Mohd. Saleh berkata, Komnas Twenty20 yang akan diasarkan mulai esok boleh ditawarkan dengan harga murah kerana pemiliknya tidak perlu membayar yuran pelesenan berbanding menggunakan perisian syarikat terkenal tersebut.

Komputer Komnas yang akan menggunakan pemproses Intel Celeron itu dibangunkan dengan sasaran penggunaan di kalangan pengguna rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

DH Info Tech juga akan mewujudkan rangkaian pemasaran yang lengkap untuk pemasaran komputer ini dengan mewujudkan pusat tempahan scrtmpat yang mesra pembeli.

"Tempat-tempat jualan itu akan dikendalikan oleh koperasi-koperasi yang dipilih, pengurus-pengurus saluran dan juga kedai-kedai komputer tertentu yang menyediakan rangkaian pemasaran di seluruh negara," kata Mohd. Saleh.

Selain itu, satu kemudahan pusat panggilan juga akan ditubuhkan bagi memberi khidmat bantuan selepas jualan untuk aspek teknikal dan juga pertanyaan.